

DEFINISI

-suatu amalan yang disyariatkan oleh Islam kerana dengan amalan wakaf seseorang itu dapat membantu sesama insan yang memerlukan kepada pertolongan selain daripada menjadikannya salah satu ibadat.

-Berbagai-bagai sudut yang telah ditakrifkan tentang wakaf oleh ahli-ahli fuqaha dalam mazhab shafi'i antaranya :

mazhab shafi'e , mazhab Imam Nawawi, Imam Syarbini dan Imam Ramli , Imam Sarkhasi dari Mazhab Hanafi dan Muhammad Hasan dan Abu Yusuf.

- ia menjelaskan bahawa waqaf ini bertahan dari sudut pemilikan dan manfaat yang boleh dinikmati bersama demi membangunkan sosial dan ekonomi bagi umat islam.

PEMBANGUNAN HARTA WAKAF

- suatu perkara pokok yang menjadi persoalan pada masa kini dan menjadi perhatian.

MAKSUD MUSAQAH

- usahasama pengurusan dalam pertanian dari segi bahasa menyiram. Dari segi syara' satu kontrak penyerahan tanaman atau pohon kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil melalui satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman.

- Dinamakan sebagai "*al-muamalat*" oleh penduduk madinah

- majoriti para ulama' menyatakan bahawa mengharuskan akad penyerahan kontrak iaitu :

imam malik, al-syafi'e, al-tsauri, abu yusuf, muhammad bin hassan, Ahmad dan daud.

HADIS

"*Ibnu Umar r.a telah menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya.*" - (hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

"*sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 ataupun 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan*"

menurut hadis di atas., ulama' hanafi memberikan hukum, syarat dan perbezaan pendapat tentang usahasama pertanian kerana mereka menganggap agihan melalui hasil buah sebagai perkara yang tidak sah.

RUKUN MUSAQAH

a) kedua pihak yang berkontrak	- hendaklah sah bagi seseorang yang berakal dan baligh	- seorang wali boleh bertindak jika pengagihan mewakili kanak-kanak, orang gila, dan kurang berakal.
b) objek musaqah	- buah kurma dan anggur (imam syafie)	- pohon buah yang memerlukan pengurusan yang mengurusnya mendapat bahagian daripada hasil buah pohon yang diuruskan (ulama' hanbali).
c) buah	- segala penghasilan menjadi milik kongsi	- pihak mengetahui dan bersetuju atas bahagian (agihan <i>mudharabah</i>)
d) kerja	- pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.	- memberi ruang seluas-luasnya kepada pengurus tentang bila, bagaimana, dengan apa cara pengurusan yang akan dilakukan.
e) ijab & qabul	- diungkap oleh pemilik atau pengurus	- ungkapan tidak berbentuk sewa (ulama' shafi'e)
	- "Aku uruskan pohon buah anda dengan agihan hasil 30-70 atau 40-60" (lafaz pemilik)	- diharuskan ungkapan dengan kontrak sewa (ulama' Hanbali)

OPERANDI KONTRAK MUSAQAH

1) pengumpulan dibuat oleh orang ramai iaitu melalui kutipan saham wakaf dan sumbangan saham wakaf pokok.

2) membuat pemilihan oleh pihak berkuasa dengan hanya memilih golongan miskin yang berupaya sahaja.

3) pihak berkuasa :	a) menyediakan sebidang tanah untuk dibangunkan oleh orang miskin	b) menyediakan modal untuk proses penanaman (pembelian benih)	c) membayar upah kepada golongan pengusaha ini untuk operasi penanaman pokok
---------------------	---	---	--

4) pengusaha akan menguruskan ladang tersebut dari sudut penjagaan

5) hasil jualan perlu diagihkan di antara pengusaha dan pihak berkuasa atas persetujuan kedua pihak

C

By **asmasyu**
cheatography.com/asmasyu/

Published 13th June, 2020.
Last updated 14th June, 2020.
Page 2 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
<http://crosswordcheats.com>